

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22/09/2017

Malaysia-Indonesia ibarat keluarga - Najib

■ JAKARTA 21 SEPT.

MALAYSIA sentiasa menganggap hubungan dua hala dengan Indonesia seperti hubungan dalam sebuah keluarga yang diumpamakan "air yang dicincang tak akan putus", kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, walaupun hubungan antara kedua-dua negara ini mengalami kisah pahit manis dan suka-duka dalam melakar sejarah negara masing-masing, namun talian persaudaraan yang terbina antara Malaysia-Indonesia semakin hari semakin kukuh.

"Saya yakin bahawa hubungan akrab dan positif antara dua buah negara berjiran bukan sa-

haja mampu menjadi semakin mantap bahkan bertambah kukuh melangkaui sempadan diplomatik," katanya dalam amanat khas yang disiarkan menerusi klip video sempena majlis makan malam sambutan Hari Malaysia dan 60 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia-Indonesia di sini malam tadi.

Majlis anjuran Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia itu dihadiri lebih 1,000 tetamu termasuk Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak; Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, Muhajir Effendy dan Menteri Komunikasi dan Informatik Indonesia, Rudyantara.

Najib berkata, adalah menjadi

satu kebanggaan bagi Malaysia dan Indonesia kerana kedua-dua negara ini bukan sekadar berjiran malah mempunyai banyak persamaan serta berkongsi budaya dan bahasa yang melambangkan kekayaan bangsa serumpun.

Perdana Menteri juga menyeru semua pihak agar terus memelihara dan memperkukuh hubungan akrab itu agar mampu melampaui batas kebudayaan yang lazim.

Najib berkata, hubungan yang dibina selama 60 tahun tidak harus dilihat dari aspek hubungan rasmi sahaja malah semua pihak harus berusaha meningkatkannya ke tahap lebih tinggi untuk generasi akan datang.

Terdahulu, Muhajir berkata, walaupun hubungan Malaysia-In-

donesia mempunyai pasang surut tetapi para pemimpinnya sentiasa mengutamakan kedamaian hidup berjiran.

Slogan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia "Negeraku Sehati Sejiwa" itu perlu diperluaskan di peringkat hubungan antara Malaysia dan Indonesia supaya rakyat di kedua-dua buah negara juga menjadi hubungan sehati sejiwa, kata beliau.

Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim berkata, pihak kedutaan sering menganjurkan pelbagai program persahabatan dengan Indonesia kerana mengambil pendekatan "mensejahterakan jiran" dalam mengukuhkan hubungan.

UM - 22/9/2017 pg. 2